

DEB, BN bukti toleransi kaum

BH - 26/7/2007

Setiap rakyat mesti elak tindakan bercanggah Perlembagaan Persekutuan



Malaysiaku Gemilang

Oleh Mohd Ayop Abd Razid

DARI segi sejarah, kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia bermula ketika era keagungan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang ketika itu sudah menjadi tempat interaksi di kalangan pedagang luar seperti India, Cina dan Arab. Ketika itu kehadiran masyarakat pedagang luar bukan untuk menjadi rakyat tetap, sebaliknya mereka datang semata-mata untuk menjalankan aktiviti perniagaan.

Selain itu, konsep negara masa itu bergantung sepenuhnya kepada kewujudan 'raja' iaitu rakyat hanya memberikan ke taatan sepenuhnya kepada raja yang bertanggungjawab menjamin keselamatan rakyat yang berada dan tinggal di wilayah atau empayarnya.

Keadaan berbeza berlaku apabila penjajah British mula membawa konsep pemerintahan dan pentadbiran moden dalam kerangka konsep negara moden. Konsep negara bangsa dalam dunia moden hari ini menetapkan bahawa sesebuah negara itu bukan saja mesti memiliki 'territoriality' malah perlu memiliki ciri lain seperti kedaulatan, pemerintahan, perlembagaan, simbol kesatuan seperti lagu kebangsaan dan bendera, perasaan patriotisme, perpaduan serta memiliki satu ideologi dan sebagainya.

Semua elemen itu dianggap sebagai ciri penting bagi penyatuan dan perpaduan rakyat sesebuah negara moden. Salah satu dasar dicipta British ketika menjajah kita ialah dasar membawa masuk kaum asing dari tanah besar India dan China ke Tanah Melayu untuk bekerja dalam sektor perladangan (India) dan perlombongan timah (Cina).

Dasar dan proses kemasukan kaum asing ini dimulakan sejak pertengahan abad ke-19 dan ia berlanjutan sehingga dekad 1930-an. Dasar kemasukan imigran asing bertujuan memajukan sektor perlombongan dan per-

ladangan demi kepentingan penjajah British, dan pada masa sama British menjalankan dasar 'pecah dan perintah' bukan saja dalam konteks politik, malah dalam konteks ekonomi dan sosial dengan mencipta pengasingan ekonomi antara kaum.

Dasar rejim penjajah ketika itu tidak mementingkan perpaduan dan integrasi pelbagai kaum. Namun begitu selepas berlakunya pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (1948) yang kemudiannya diikuti kemerdekaan Tanah Melayu (1957) serta disusuli pula dengan pembentukan Malaysia (1963) meletakkan kedudukan dan taraf kaum lain setanding dengan kaum Melayu dari segi kewarganegaraan dan hak sebagai rakyat dilindungi oleh perlembagaan negara.

Pada masa sama, kaum bukan Bumiputera menerima dan mengiktiraf beberapa hak istimewa orang Melayu sebagai satu 'kontrak sosial' yang dipersetujui bersama dengan sebahagian daripadanya termaktub di dalam perlembagaan negara.

Elemen perpaduan penting untuk memenuhi impian pembangunan dan kemajuan negara seperti yang dirangka akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Namun pada awal pasca kemerdekaan, integrasi dan perpaduan nasional belum begitu kukuh di kalangan rakyat berbilang kaum sehingga teretusnya peristiwa 13 Mei 1969.

Kejadian mendukacitakan ini menyedarkan tampuk kepemimpinan negara betapa pentingnya integrasi dan perpaduan nasional dijadikan wawasan dan matlamat negara. Jika dikaji hakikat sejarah tanah air, kemelut perkauman khususnya di antara Cina dan Melayu boleh dikatakan bermula ketika dan selepas zaman pendudukan Jepun (1941 - 1945), disusuli peristiwa darurat (1948 - 1960).

Jika diimbak kembali sejarah negara, usaha untuk mencapai perpaduan kaum di Malaysia dapat dikesan menerusi penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada 1949. Penubuhan jawatankuasa ini selari kehendak British iaitu mesti wujud satu kerjasama kaum sebelum kemerdekaan diserahkan kepada rakyat negara ini.

CLC ditubuhkan di Pulau Pinang yang dianggotai dua kaum utama iaitu Melayu (Umno) dan Cina (MCA) dan ia bolehlah dianggap sebagai permulaan kepada kerjasama kaum, khususnya dalam konteks kerjasama politik.

Selepas itu satu usaha ke arah kerjasama kaum yang lebih terarah wujud menerusi penubuhan Persidangan Kebangsaan (Februari 1953) oleh Sir Malcolm MacDonald. Tujuannya adalah untuk mencapai kerjasama politik bagi mengendurkan masalah perkauman di Tanah Melayu.

Tunku Abdul Rahman kemudian menganjurkan konvensyen kebangsaan yang disertai pelbagai parti politik yang akhirnya menjadi asas kepada penubuhan Parti Perikatan. Pada pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan pada 27 Julai 1955, Parti Perikatan menang 51 daripada 52 kerusi yang membolehkannya membentuk Kabinet pelbagai kaum. Ia menjadi titik awal perpaduan kaum melalui politik kompromi.

Dalam usaha mencapai kemerdekaan, Datuk Onn Jaafar memikirkan keperluan kerjasama dan rundingan di antara pemimpin pelbagai kaum ke arah berkerajaan sendiri. Idea 'Sistem Ahli' dikemukakan kepada British, ketika itu Sir Henry Gurney adalah Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu.

Sistem yang menyerupai Kabinet bayangan ini dilaksanakan pada 1951 adalah selaras hasrat British untuk menjalankan dasar 'dekolonisasi'. Ia di anggap sebagai asas ke arah proses perpaduan kaum kerana ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum.

Perpaduan dan integrasi nasional dalam skop penyatuan wilayah dan masyarakat Malaysia yang lebih besar dibuat melalui pembentukan gagasan Malaysia (1963). Gagasan Malaysia adalah konsep integrasi dan penyatuan wilayah serta menyatukan masyarakatnya dalam konteks bangsa Malaysia baru dengan pada awal cadangan penubuhannya ia ditentang Borneo (Sabah dan Sarawak).

Tentangan ini akhirnya dapat diselesaikan melalui penubuhan Suruhanjaya Cobbold. Singapura yang pada awalnya bersama dalam gagasan Malaysia akhirnya keluar dari Malaysia (1965) atas beberapa isu tertentu termasuk soal perkauman.

Peristiwa itu adalah cabaran awal dalam membentuk integrasi dan perpaduan di kalangan negeri yang menyertai pembentukan Malaysia pada 1963.

13 Mei 1969 adalah titik hitam dalam sejarah perhubungan kaum di negara ini. Ia teretus akibat meluasnya isu perkauman. Tindakan segera pemimpin pelbagai kaum menyelesaikan kemelut ini dengan penuh

bijaksana dan berwawasan, merintis ke arah 'kejuruteraan sosial' yang akhirnya membawa kepada hubungan kaum yang lebih sihat dan dinamik dalam kerangka dasar, wawasan integrasi dan perpaduan yang lebih fokus.

Arkitek (pemimpin) perpaduan negara berjaya melaksana 'revolusi integrasi' yang memberikan impak cukup positif terhadap kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi negara.

Peristiwa hitam menyebabkan negara diletakkan di bawah pengawalan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dipengerusikan Tun Abdul Razak Hussein. Menerusi MAGERAN, langkah konkrit bagi membentuk asas perhubungan kaum yang berkesan mula difikirkan secara serius.

Ketika inilah Majlis Perundangan Negara (MPN) di tubuhkan sebagai penasihat kepada MAGERAN mengenai perhubungan kaum dan ia menjadi mekanisme penting dalam mencipta formula mujarab bagi menyelesaikan masalah perkauman.

Di antara formulanya yang berkesan ialah kelahiran Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diterima dan dipersetujui semua pucuk pimpinan pelbagai kaum di negara ini. DEB bermatlamat mencapai perpaduan dan integrasi nasional menerusi pelaksanaan 'serampang dua mata' iaitu pengagihan dan perkongsian ekonomi secara pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Selain DEB, satu lagi formula berkesan yang dicipta MPN ialah Rukun Negara sebagai ideologi nasional yang meletakkan negara ke arah matlamat jelas dan terarah dalam membentuk perpaduan dan integrasi nasional.

Dalam bidang politik pula, lahir gabungan permuafakatan politik pelbagai kaum lebih kukuh dan terarah iaitu Barisan Nasional (BN) yang sebelum itu dikenali sebagai Parti Perikatan.

Kini selepas hampir 50 tahun kemerdekaan, kita terus menikmati pembangunan dan kestabilan politik hasil daripada wujudnya perpaduan nasional yang kukuh dan dinamis.

Integrasi dan perpaduan di kalangan rakyat benar-benar menjadi ramuan dan tunjang utama kepada pembentukan negara yang kukuh dan bersatu padu.

Penulis adalah Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan